

Bab 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1. Model Struktural

Kajian kontrastif boleh dijalankan dengan menggunakan Model Struktural, Model Nahu Transformasi Generatif dan Model Kes Nahu. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Struktural iaitu model yang berdasarkan data-data.

Menurut Harris dalam artikelnya “Language Transfer” (Carl James, 1980:36), Model Struktural boleh digunakan untuk membandingkan struktur gramatikal dalam dua bahasa. Selain daripada membandingkan struktur gramatikal, Model Struktural juga boleh digunakan untuk membandingkan sistem bunyi dua bahasa. Ini kerana bahasa dibentuk daripada unit-unit. Unit yang besar dibentuk daripada unit yang kecil umpamanya bunyi membentuk kata, kata membentuk frasa, frasa membentuk klausa dan klausa membentuk ayat.

Melalui perbandingan dengan menggunakan Model Struktural, seseorang penyelidik dapat mengetahui persamaan maksimum dan perbezaan maksimum dalam B1 dan B2 yang dikaji dan seterusnya dapat meramal dan menghuraikan masalah sebutan yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari B2.

3.2. Kerangka Teoretikal Dalam Penyelidikan

Kerangka teoretikal saya dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan buku Lado yang berjudul Linguistics Across Cultures (1957:12-14). Menurut Lado, dalam proses pembelajaran B2 seseorang akan mendapati bahawa wujudnya bunyi B2 yang mempunyai persamaan dari segi cara pengeluaran dan penyebaran dengan bunyi B1. Bunyi-bunyi ini dapat dipelajari dengan senangnya. Di samping itu, terdapat juga bunyi B2 yang berbeza dengan B1 dari segi cara pengeluaran dan penyebaran. Bunyi B2 ini akan mengganggu proses pembelajaran B2 dan biasanya akan menimbulkan masalah sebutan.

Untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud dalam B1 dan B2, satu perbandingan perlu dibuat. Perbandingan boleh dibuat berlandaskan tiga langkah penting iaitu:

1. Menghuraikan sistem bunyi bagi B1 dan B2

Menghuraikan sistem bunyi B1 dan B2. Pemerian sistem bunyi perlu disertakan dengan data-data atau jadual-jadual. Jadual untuk konsonan dan vokal perlu diselitkan. Jadual konsonan boleh dibuat berdasarkan cara dan daerah artikulasi. Untuk sistem vokal, jadual vokal yang berdasarkan kedudukan lidah boleh digunakan.

2. Membandingkan fonem-fonem B1 dan B2

Semasa membandingkan fonem-fonem B1 dan B2 perlu memperhatikan bahawa:

- i) adakah fonem yang wujud dalam B2 sama dengan fonem yang wujud dalam B1?
- ii) adakah B2 dan B1 mempunyai variasi fonem yang sama?
- iii) adakah fonem-fonem dalam B2 dan B1 mempunyai penyebaran yang sama?

3. Menempatkan gangguan dan masalah sebutan

Biasanya, fonem B2 yang tidak wujud dalam B1 akan mengganggu proses pembelajaran B2 dan seterusnya menimbulkan masalah sebutan.

3.3. Pengumpulan Data

- a) Data-data diperoleh melalui ujian-ujian yang disediakan. Ujian-ujian ini adalah lebih kurang sama dengan ujian-ujian yang digunakan dalam tesis Sarjana Siti Asiah Kancana Abdullah (1991) yang berjudul Satu Kajian Kontrastif Sistem Fonologi Bahasa Thai dan Bahasa Malaysia.
- b) Data-data diperoleh melalui ujian pendengaran dan ujian sebutan yang dilakukan ke atas 20 orang pelajar. Rakaman dilakukan dengan menggunakan “Radio Cassette Recorder”.
- c) Transkripsi telah dibuat ke atas sebutan pelajar-pelajar selepas rakaman dibuat.
- d) Buku rujukan utama untuk bahasa Malaysia dalam kajian ini ialah The Malay Sound System, karya Yunus Maris manakala buku rujukan utama untuk bahasa Portugis ialah Nova Gramática do Português Contemporâneo, karya Celso Cunha dan Luís F. Lindley Cintra; Gramática da Língua Portuguesa, karya Maria Helena Mira Mateus dan Ana Maria Brito; Lições de Português Elementar, karya Wang Zeng Yang dan Gramática da Língua Portuguesa, karya Pilar Vazquez Cuesta.

3.4. Sampel

Sampel untuk kajian ini merupakan 20 orang pelajar dari kelas Bahasa Portugis permulaan yang mengikuti kursus Bahasa Portugis sebagai kursus pilihan. 20 orang pelajar yang dipilih ini merupakan pelajar dari Akademi Pengajian Melayu dan Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kesemua 20 orang pelajar ini adalah perempuan Melayu. Pelajar-pelajar ini telah belajar bahasa Portugis selama tiga bulan dan sudah boleh mendengar, membaca, menulis dan bertutur sedikit bahasa Portugis. Pelajar-pelajar ini mempunyai bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda. 20 orang pelajar dipilih daripada sejumlah seratus dua puluh dua orang pelajar yang mempelajari bahasa Portugis.

3.5. Alat-Alat Yang Digunakan

Alat-alat yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian-ujian yang disediakan oleh penyelidik dan alat perakaman audio. Ujian-ujian ini disediakan untuk menguji keupayaan pendengaran dan sebutan bunyi-bunyi bahasa Portugis yang merupakan masalah sebutan pelajar-pelajar Melayu. Ujian-ujian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Matlamat Bahagian A adalah untuk menguji pendengaran pelajar-pelajar. Dalam bahagian A perkataan-perkataan yang terdapat dalam ujian-ujian itu akan dibaca oleh penyelidik dan pelajar-

pelajar dikehendaki mengisikan tempat kosong dengan vokal, konsonan atau yang lain bersetujuan dengan arahan yang diberikan. Matlamat Bahagian B adalah untuk menguji sebutan. Pelajar-pelajar dikehendaki menyebut perkataan-perkataan yang terdapat dalam ujian-ujian itu tanpa bantuan daripada penyelidik dan sebutan itu dirakamkan. Peraturan sebutan BPS dan kebanyakan perkataan yang terdapat dalam ujian ini telah diajar sebelum ujian dijalankan. 25 ujian itu adalah seperti yang berikut: (rujuk Lampiran)

1. Bunyi Konsonan BPS di Posisi Awal Kata
2. Bunyi Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata
3. Bunyi Konsonan BPS di Posisi Akhir Kata
4. Bunyi Vokal Oral BPS di Posisi Awal Kata
5. Bunyi Vokal Oral BPS di Posisi Tengah Kata
6. Bunyi Vokal Oral BPS di Posisi Akhir Kata
7. Bunyi Vokal Nasal BPS di Posisi Awal Kata
8. Bunyi Vokal Nasal BPS di Posisi Tengah Kata
9. Bunyi Vokal Nasal BPS di Posisi Akhir Kata
10. Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Awal Kata
11. Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Tengah Kata
12. Diftong Oral Menurun BPS di Posisi Akhir Kata
13. Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Tengah Kata
14. Diftong Nasal Menurun BPS di Posisi Akhir Kata.
15. Diftong Oral Menaik BPS di Posisi Tengah Kata

16. Diftong Nasal Menaik BPS di Posisi Tengah Kata
17. Triftong Oral BPS di Posisi Akhir Kata
18. Triftong Oral BPS di Posisi Tengah Kata
19. Triftong Nasal BPS di Posisi Akhir Kata
20. Triftong Nasal BPS di Posisi Tengah Kata
21. Rangkap Vokal BPS di Posisi Tengah Kata
22. Rangkap Vokal BPS di Posisi Akhir kata
23. Rangkap Konsonan BPS di Posisi Awal Kata
24. Rangkap Konsonan BPS di Posisi Tengah Kata
25. Separuh Vokal BPS di Posisi Akhir Kata

3.6. Prosedur

Data-data dikumpul melalui ujian pendengaran dan ujian sebutan yang dilakukan ke atas 20 orang pelajar Melayu. Ujian pendengaran dan ujian sebutan ini dibuat di bilik seminar Kesisiangan, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Ujian ini dilakukan selepas kelas Bahasa Portugis. Masa yang diambil ialah tiga jam. 20 orang pelajar masuk bersama-sama ke dalam bilik seminar Kesisiangan. Ujian-ujian yang telah disediakan oleh penyelidik itu diedarkan. 20 orang pelajar mendapat kertas masing-masing. Penyelidik menjelaskan bahawa setiap pelajar diberikan masa lima minit untuk membaca secara senyap. Selepas lima minit, ujian pendengaran dimulakan. Dalam ujian pendengaran, penyelidik membaca perkataan-perkataan yang terdapat dalam ujian-ujian itu dan pelajar-pelajar dikehendaki mengisikan tempat kosong. Selepas itu, pelajar-pelajar terus sambung dengan ujian sebutan dalam bahagian B. Dalam bahagian B, 20 orang pelajar itu dikehendaki membaca seorang demi seorang. Setiap orang pelajar membaca sekali sahaja. Semasa pelajar-pelajar membaca, rakaman audio dilakukan. Rakaman untuk setiap pelajar mengambil masa lima minit.